

Soalan No :67

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN TEO KOK SEONG [RASAH]

TARIKH : 19.3.2015

SOALAN :

Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci mengenai usaha Kerajaan untuk mengembalikan kebebasan akademik dan autonomi pelajar di semua Institusi Pengajian Tinggi Awam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan pelbagai usaha bagi mengembalikan kebebasan akademik dan autonomi pelajar di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Selaras dengan Seksyen 15 AUKU (Pindaan) 2012, pelajar universiti dibenarkan untuk terlibat dalam aktiviti politik kepartian di luar kampus dan mengekalkan keberkecualian (*neutrality*) di dalam kampus sebagai sebuah pusat ilmu selaras dengan falsafah pendidikan negara. Walau bagaimanapun, Kerajaan berpendapat keberkecualian tersebut boleh diselenggarakan melalui mekanisme yang bersesuaian dengan prinsip kebebasan serta hak asasi manusia tanpa membelakangi kedaulatan Undang-undang negara.

Bagi maksud tersebut, satu garis panduan telah disediakan oleh Sektor Pendidikan Tinggi, KPM bagi membantu universiti menyediakan kod

tatakelakuan masing-masing untuk mengawal selia aktiviti pelajar atau persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar dalam aktiviti-aktiviti politik di dalam kampus. Sebarang perlanggaran kod tatakelakuan adalah tertakluk kepada prosiding yang ditetapkan di bawah kod tatakelakuan dan bukan di bawah peraturan tatatertib sedia ada.

Sebagai makluman, kandungan kod tatatertib tersebut merupakan pelengkap kepada Aku Janji Pelajar yang akan ditandatangani oleh setiap pelajar baru pada sesi kemasukan akan datang. Walaupun akan wujud ketidakseragaman antara universiti tetapi ia tidak menjadi masalah kerana Aku Janji Pelajar dan kod tatakelakuan adalah berdasarkan senario dan persekitaran di universiti masing-masing.

RJM46